

# Juragan kapal diculik di Semporna

Oleh MUSTAPA LAKAWA

**KOTA KINABALU** – Sekumpulan enam penjenayah yang lengkap bersenjata api jenis M16, M14 dan pistol menculik seorang juragan kapal warga tempatan di perairan Semporna dekat Pulau Gaya dalam kejadian malam kelmarin.

Tidak cukup dengan itu, kumpulan sama terdiri daripada enam lelaki itu juga dipercayai menjaldi dalam kes rompakan laut melibatkan sebuah kapal nelayan jenis pukat jerut di perairan Tungku, Lahad Datu.

Kejadian culik itu dilakukan sekitar pukul 9.30 malam sebelum penjenayah yang sama merompak sebuah kapal nelayan kira-kira pukul 10 malam.

Jarak antara kedua-dua lokasi kejadian kira-kira 9.3 kilometer.

Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Abdul Rashid Harun berkata, mangsa yang diculik dikenali sebagai Ruslan @ Nasir Sarapin, 39 berasal dari Lahad Datu.

“Kejadian berlaku ketika mangsa berada di atas kapal jenis pukat jerut miliknya bersama 26 anak kapal yang lain. Kapal itu kemudian didatangi sebuah bot laju dinaiki enam lelaki.

“Empat suspek telah naik ke kapal dengan tiga daripada mereka bersenjata dan mengambil semua dokumen mangsa serta telefon bimbit. Suspek turut malarikan seorang juragan yang juga pemilik kapal berkenaan,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurut beliau, 26 anak kapal yang lain terdiri daripada seorang lelaki tempatan berumur 33 tahun dan 25 anak kapal bu-

kan warganegara berumur antara 18 hingga 60 tahun.

Jelasnya, semakan polis mendapati kejadian berlaku dalam kawasan perintah berkurung dan kapal nelayan itu tidak mempunyai permit pengecualian perintah berkurung selain tidak dilengkapi Sistem Pengesanan Automatik (AIS) dan alat komunikasi lain yang disarankan.

“Setakat ini tidak ada sebarang permintaan wang tebusan yang diterima daripada mana-mana pihak,” katanya.

Abdul Rashid berkata, sekitar pukul 10 malam, pihaknya menerima maklumat mengenai satu kejadian rompakan laut yang berlaku di perairan Tungku, Lahad Datu.

“Pemeriksaan mendapati kejadian itu memang berlaku di mana sebuah kapal nelayan jenis pukat jerut telah didatangi sebuah bot laju dinaiki tujuh orang.

“Tiga daripada suspek yang bersenjata telah naik dan menggeledah bot tersebut sebelum mengambil sebuah enjin sangkut, beras, minyak masak, pakaian, telefon bimbit, *walkie talkie* dan wang tunai RM300 daripada anak-anak kapal.

“Kumpulan suspek yang belum dikenal pasti identiti itu kemudian malarikan diri dipercayai menuju ke perairan antarabangsa,” tambahnya.

Jelasnya lagi, terdapat 19 anak kapal di atas kapal berkenaan yang terdiri daripada lapan warga



ABDUL RASHID




Infografik kes culik juragan, rompak kapal nelayan

- 1 Sekumpulan enam penjenayah bersenjata api menculik seorang juragan kapal di perairan Semporna dekat Pulau Gaya pada pukul 9.30 malam.
- 2 Kumpulan penjenayah itu kemudiannya bergerak kira-kira 9.3 kilometer menuju perairan Lahad Datu.
- 3 Tujuh lelaki bersenjata menaiki bot laju merompak kapal nelayan yang dinaiki 19 anak kapal pada pukul 10 malam.



JURAGAN kapal ini diculik sekumpulan enam penjenayah lengkap bersenjata api di perairan Semporna dekat Pulau Gaya kelmarin.



KAPAL nelayan (kanan) yang turut dirompak penjenayah sama di perairan Tungku, Lahad Datu kelmarin.

Indonesia dan 11 orang suku kaum Palauh.

“Semua anak kapal warga Indonesia mempunyai pasport tetapi memiliki permit kerja yang telah tamat tempoh manakala anak kapal Palauh pula tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri.

“Kapal yang dirompak ini juga mendapati tidak mempunyai permit pengecualian perintah berkurung dan tidak dilengkapi sistem AIS” ujarnya.

Katanya lagi, hasil keterangan

yang diperoleh daripada anak kapal kedua-dua bot pukat itu mendapati kejadian culik di perairan Semporna dan kes rompak di perairan Tungku itu dipercayai dilakukan oleh kumpulan yang sama.

“Enam penjenayah itu berpakaian biasa dengan seorang berseluar celoreng serta bertutur dalam bahasa Suluk. Mereka bersenjatakan M16, M14 dan pistol manakala bot yang digunakan adalah berwarna putih berjalur hijau kuning,” tambahnya.

## INFO Kes-kes culik di Sabah

- 10 September 2016 – Tiga kru kapal ikan diculik sekumpulan lelaki bertopeng dan bersenjata dalam kejadian di perairan Pulau Pom Pom dekat Semporna.
- 18 Julai 2016 – Lima anak kapal warga tempatan dipercayai diculik selepas polis menemui sebuah kapal tunda bersama tongkang di perairan Dent Haven, Tambisan, Lahad Datu.
- 3 April 2016 – Empat anak kapal warga Malaysia diculik selepas kapal tunda yang mereka naiki ditawan sekumpulan lapan lelaki bersenjata api berdekatan perairan Pulau Ligitan di Semporna.
- 14 Mei 2015 – Jurutera elektrik, Bernard Then Ted Fen, 39, diculik empat lelaki bersenjata api ketika sedang makan di Restoran Ocean King, Sandakan.
- 6 Mei 2014 – Seorang pengurus syarikat ternakan ikan dalam sangkar diculik sekumpulan lelaki bersenjata dalam kejadian di Pulau Baik, kira-kira lima kilometer dari Silam, Lahad Datu.
- 2 April 2014 – Seorang pelancong wanita warga China dan seorang pekerja resort warga Filipina diculik sekumpulan lelaki di sebuah resort Singamata Reef di Semporna.
- 15 November 2013 – Seorang pelancong Taiwan ditemui mati dengan dua kesan tembakan di tubuhnya manakala isterinya yang juga warga Taiwan diculik sekumpulan lelaki dalam kejadian di Pulau Pom Pom, Semporna.
- 17 November 2012 - Dua sepupu hilang diculik sekumpulan lelaki bersenjata api ketika meninjau operasi rumah burung walet milik keluarga mereka di Ladang Lian Hin Lee berhampiran Felda Sahabat 15, Lahad Datu.